

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, September 19, 2017 11:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Agih 50 Ekor Lembu Di Kemboja – Misi Korban Rentas Sempadan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 SEPTEMBER 2017 / 28 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUM AGIH 50 EKOR LEMBU DI KEMBOJA – MISI KORBAN RENTAS SEMPADAN



UUM ONLINE: Setelah 50 tahun tidak sembahyang raya, akhirnya pada tanggal 10 Zulhijah 1438 penduduk Kampung Tol Cham Plu, Mukim Tapon daerah Battambang, Kemboja mampu mengucapkan syukur, kegembiraan berganda apabila ada yang memeluk Islam.

Usaha murni itu direalisasikan oleh Pusat Islam UUM melalui Kelab Ukhuwwah yang melancarkan Program Ibadah Korban/Aqiqah 2017 di Battambang, Kemboja kali kelima untuk membantu umat Islam yang miskin dan terpinggir daripada bantuan luar.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Yusnaidi Md Sabri, masjid yang terletak jauh dari kampung dan tiada orang yang boleh menguruskan sembahyang raya menyebabkan penduduk terpaksa ke kampung lain setiap kali menunaikan sembahyang raya.

“Lebih menggembirakan, selepas sembahyang raya ada yang memeluk agama Islam di hadapan penduduk kampung kesan daripada ibadah korban.

“Menerusi misi kemanusiaan yang diasaskan sejak 2013 penyertaan semakin menggalakkan di mana tahun lalu kira-kira 43 ekor lembu ditumbangkan dan 2017 sebanyak 50 ekor hasil sumbangan rakyat Malaysia yang prihatin,” katanya.

Ujarnya, sejak UUM melancarkan korban di Kemboja mereka amat menghargai usaha kita, bila kita hantar duit ke sana mereka tolong beli lembu dan membahagikan tugas kepada setiap keluarga untuk menjaga seekor lembu korban.

Manakala sukarelawan dari Singapura, Rustina Mohamed Ghazali berkata, kembara empat hari di salah satu negara termiskin ASEAN menimba pengajaran berharga sekali gus menyuntik keinsafan agar mensyukuri nikmat tuhan.

“Kita turut mengadakan free market yang memberi pakaian dan telekung, sebaik sahaja mendapat pakaian mereka cukup gembira seolah-olah mendapat sesuatu yang berharga,” ceritanya yang turut mengadakan kelas Bahasa Inggeris percuma.

“Program ini benar-benar meninggalkan kesan mendalam apabila saya sendiri turun padang melihat betapa susahnya hidup mereka yang jauh ketinggalan, tidak ada kemudahan asas terpaksa guna telaga akibat tiada air paip, guna pelita tanpa bekalan elektrik dan menggunakan generator.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.